



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 5 JANUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MAQIS RAMPAS DAGING WAGYU, SINAR NEGERI P.PINANG, SH -35 GAGAL SELUDUP 200 BIJI KELAPA KE THAILAND, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -15 MAQIS KELANTAN RAMPAS 60KG DAGING BABI, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -36 MAQIS SEIZES 22KG OF WAGYU BEEF, NEWS/NEWS IN BRIEF, NST -10 RAMPAS 60KG DAGING BABI, LOKAL, METRO AHAD -19 WANITA KOREA CUBA SOROK WAGYU, LOKAL, METRO AHAD -19 200 KELAPA DIRAMPAS, LOKAL, METRO AHAD -19	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	RAYU SEGERA BAIK PULIH JETI ROBOH DI SABAK BERNAM, NASIONAL, SH -19	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	TEKNOLOGI PERTANIAN TEPAT, XPRESI, METRO AHAD -38	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10. 11. 12. 13. 14.	BOT NELATAN TEMPATAN DITAHAN, SINAR NEGERI PERAK, SH -31 TIADA BAHAN ANTIBIOTIK TERLARANG DALAM SAMPEL UDANG, NASIONAL, SH -11 TAINTED SHRIMP SUSPECTED TO BE FROM TRANSHIPMENTS, NATION, THE STAR -5 SAMPEL UDANG TEMPATAN TIADA ANTIBIOTIK TERLARANG, LOKAL, METRO AHAD -13 TIADA ANTIBIOTIK TERLARANG DALAM SAMPEL UDANG, NASIONAL, BH -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15. 16.	TEKAD TERNAK KELI SELEPAS 10 KALI GAGAL TEMU DUGA, NASIONAL, BH -35 OKU USAHAWAN IKAN KECIL, LOKAL, HM -21	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Maqis rampas daging wagyu



Pegawal penguat kuasa Maqis menunjukkan daging lembu wagyu yang dirampas kelmarin.

Rampasan bernilai RM6,000 itu tiada permit import

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

BAYAN LEPAS

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas daging lembu wagyu yang cuba dibawa masuk ke negara ini oleh seorang wanita di laluan penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang (LTABPP) malam kelmarin.

Wanita warga Korea berumur dalam lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 10.15 malam.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, hasil pemeriksaan mendapati wanita itu membawa masuk daging lembu wagyu seberat 22.1 kilogram bernilai hampir RM6,000 yang diletakkan dalam dua bekas polisterin.

Menurutnya, wanita berkenaan mendakwa daging lembu wagyu itu untuk kegunaan sendiri.

"Daging wagyu itu dirampas kerana tiada sebarang dokumen yang sah seperti permit import dari Jabatan Maqis dan sijil kesihatan dari negara asal.

"Daging berkenaan akan dilupuskan mengikut SOP (prosedur operasi standard) yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Zarina berkata, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah dari Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Beliau berkata, sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Katanya, pihaknya akan sentiasa memperkuatkan lagi kawalan keselamatan makanan negara bagi memastikan keselamatan makanan terjamin dan mengekang ketidakpatuhan aktiviti import dan eksport.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	15

Gagal seludup 200 biji kelapa ke Thailand


BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mematahkan cubaan seludup kelapa ke Thailand di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada Khamis lalu.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind berkata, hasil pemeriksaan di laluan kereta di ICQS Bukit Kayu Hitam itu mendapati sebuah kenderaan pacuan empat roda Toyota Hilux cuba membawa keluar 200 biji kelapa tanpa permit eksport.

Menurutnya, nilai anggaran keseluruhan rampasan itu adalah sebanyak RM500.

“Kelapa adalah salah satu komoditi kawalan di Malaysia.

“Perbuatan seludup pertanian adalah kesalahan mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang



Buah kelapa adalah komoditi kawalan yang memerlukan permit untuk dieksport ke luar negara.

boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama dan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN	36

Maqis Kelantan rampas 60kg daging babi

RANTAU PANJANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas 60 kilogram (kg) daging babi yang cuba diseludup dari Thailand semalam.

Pengarah Maqis, Mohd Azam Yahya berkata, rampasan sekitar itu dilakukan oleh anggota Maqis Kelantan selepas menahan sebuah pacuan empat roda di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang.


“Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan dipandu lelaki warga Thailand itu, Maqis Kelantan

menjumpai sejumlah 60kg daging babi,” katanya.

Dalam kes berasingan, Maqis Kelantan menerima satu serahan kes daripada Agensi Kawalan Sempadan Rantau Panjang pada 31 Disember 2019.

Katanya, serahan itu memabitkan sosej seberat 316kg yang diseludup ke negeri ini.

Kedua-dua kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun.



Pegawai Maqis menunjukkan pelbagai jenis sosej yang dirampas oleh Aksem.



Malaysian Department of Quarantine and Inspection Services officers showing the confiscated wagyu beef in Bayan Lepas on Friday. PIC COURTESY OF MAQIS

Maqis seizes 22kg of wagyu beef

BAYAN LEPAS: The Malaysian Department of Quarantine and Inspection Services (Maqis), in collaboration with the Royal Malaysian Customs Department seized 22.1kg of wagyu beef from a South Korean passenger at the Penang International Airport on Friday.

State Maqis director Zarina Ramli said the woman was found to have a consignment containing two packages of meat during an inspection at the airport's passenger lane at 10.15pm.

"She claimed the wagyu meat, estimated

to be worth RM6,000, was for personal use. It did not come with valid documents, such as import permits from the department, and a health certificate from the home country."

"The meat was disposed of, in accordance to standard operating procedure."

Zarina said it was an offence to import any kind of agricultural produce without a valid import permit from Maqis, under Section 11 (1) of Maqis Act 2011 which could be punished under Section 11 (3) of the same act.

RAMPAS 60KG DAGING BABI

Maqis patah cubaan seludup bahan mentah tanpa permit

Oleh Syaherah
Mustafa
am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 60 kilogram (kg) daging babi tanpa permit sah di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 5 petang, pihaknya yang membuat pemeriksaan ke atas pacuan empat roda dipandu lelaki warga Thailand menemui daging babi bernilai RM200.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, lelaki terbabit cuba mengaburi pihak berkuasa apabila membalut



PEGAWAI Maqis menunjukkan sebahagian daging babi yang dirampas.

daging itu menggunakan surat khabar.

Katanya, dia meletakannya di bahagian belakang kenderaan itu sebelum ditutup menggunakan kain.

"Hasil siasatan kese-

mua daging babi itu dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia tanpa permit import yang sah daripada Maqis dan dipercayai untuk pasaran tempatan.

"Kita kesal kerana tin-

dakan segelintir individu yang masih membawa masuk daging babi walaupun larangan dikeluarkan oleh Maqis bagi mengelakkan penyebaran wabak African Swine Fever (ASF)," katanya.

Wanita Korea cuba sorok wagyu

Bayan Lepas: Sejumlah 22.10 kilogram daging wagyu bernilai RM6,000 dirampas daripada seorang wanita Korea di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), di sini, malam kelmarin.

Rampasan itu dibuat Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana tiada sebarang dokumen sah.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan mendapati daging itu dibawa masuk penumpang berusia lingkungan 40-an dengan dua bekas



MAQIS Pulau Pinang merampas daging wagyu yang dibawa masuk melalui ICQS di sini, semalam.

polisterin, di balai ketibaan LTAPP jam 10.15 malam.

"Individu terbabit mendakwa membawa masuk daging wagyu itu

untuk kegunaan sendiri. "Kesemua daging itu dirampas dan akan dilupuskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," kata-

nya.

Menurutnya, daging itu dirampas kerana tiada sebarang dokumen sah seperti permit import daripada Maqis dan sijil kesihatan dari negara asal.

Beliau berkata, perbualan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import sah daripada Maqis adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.

Ia boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) Akta yang sama.

Katanya, sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

200 kelapa dirampas

Bukit Kayu Hitam: Sebanyak 200 kelapa yang cuba di seludup ke Thailand dirampas di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), di sini, Khamis lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah Lily

Rosalind Pakianathan berkata, kelapa berkenaan dibawa menggunakan Toyota Hilux sebelum kenderaan itu ditahan jam 12.30 tengah hari.

Menurutnya, hasil pemeriksaan, mendapati kelapa bernilai RM500 itu cuba diekspor ke Thailand tanpa sebarang permit.

"Kelapa adalah komoditi kawalan dagangan import dan eksport barangan pertanian, ini memerlukan kelulusan dari pihak Ibu Pejabat sebelum permit dikeluarkan.

"Ia bagi mengawal kemasukan serangga perosak seperti *Rhynchophorus ferrugineus* atau 'Red palm weev'

yang boleh melumpuhkan industri pertanian," katanya.

Menurutnya, Maqis komited melaksanakan tugas di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi pertanian yang masuk dan keluar mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

Rayu segera baik pulih jeti roboh di Sabak Bernam

SABAK BERNAM - Kira-kira 60 nelayan pesisir pantai merayu kerajaan menyalurkan peruntukan segera bagi kerja-kerja baik pulih Jeti Nelayan Kampung Empat Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar (BNO) yang tiba-tiba runtuh dalam kejadian 31 Disember lalu.

Seorang nelayan, Zulkifly Ibrahim, 41, berkata, tindakan perlu dilakukan segera bagi tujuan keselamatan nelayan yang menggunakan laluan jeti itu pada setiap hari.

"Apabila jeti ini roboh, maka kami susah hendak membawa minyak, alatan nelayan dan motosikal ke pelantar jeti yang menjadi tempat berkumpul para nelayan.

"Kami bimbang jika disebabkan hal-hal seperti itu, nelayan tidak dapat turun ke laut sekali gus hilang punca pendapatan," katanya.

Sementara itu, Ketua Komuniti Nelayan Simpang Empat BNO, Mohd Fadli Rusni, 42, berkata, jeti berusia 25 tahun itu terlalu uzur



Rizam (kiri) dan dua orang nelayan menunjukkan keadaan Jeti Nelayan Simpang Empat BNO yang roboh pada 31 Disember tahun lalu.

dan perlu dibaiki.

Katanya, perkara itu sudah dimaklumkan kepada pihak berwajib, namun masih tiada tindakan.

"Buat masa ini, kita bercadang membina jeti kayu sementara yang mampu bertahan dalam tempoh dua hingga tiga tahun," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Air Tawar,

Rizam Ismail meluangkan masa meninjau keadaan jeti terbabit.

Katanya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diminta turun padang berbincang bersama nelayan bagi menangani isu terbabit.

"Saya bersedia mewakili nelayan untuk berbincang dengan pihak LKIM demi memastikan kebajikan nelayan terjaga," katanya.

AGRO

Zahie Satibi

zaisa@hmetro.co.my

Produktiviti padi di Malaysia dikatakan masih jauh daripada sasaran menjadikan pengeluaran padi dalam negara selingga 90 peratus.

Penting untuk meningkatkan hasil padi negara bagi menjamin bekalan makanan mencukupi setiap masa terutama pada waktu kecemasan seperti bencana alam.

Sehubungan itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) membangunkan pakej teknologi pertanian tepat yang dapat membantu industri padi negara.

Teknologi yang dihasilkan berupaya mengurangkan kos input dan kos operasi di samping mengekalkan hasil tinggi.

Selain itu, penggunaan teknologi di kawasan estet padi berskala besar dijangka mampu menarik golongan petani muda.

Ini berikutan kekurangan tenaga kerja mahir dalam kalangan golongan muda tidak berminat turut menjadi masalah dalam sektor penanaman padi.

Pertanian tepat adalah teknologi berasaskan maklumat dalam sistem pengurusan pertanian yang menggabungkan amalan pertanian yang sesuai bagi mengurus kebolehubahan di ladang untuk memastikan keuntungan yang maksimum dan meningkatkan produktiviti



JENTERA merotakan plot tanah yang dilengkapi peralatan komponen penentuan indeks pertanian tanah.

TEKNOLOGI PERTANIAN TEPAT

Kurangkan kos input dan operasi dengan hasil padi yang tinggi

serta pengeluaran pertanian mampan.

Penggunaan teknologi dalam pengeluaran padi dapat meningkat dan menggalakkan operasi komersil berskala besar sama ada dalam bentuk sistem perladangan berkelompok atau estet.

Mekanisasi dan automasi pelbagai peringkat dalam teknologi ini juga dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh serta mesra alam dengan jangkauan faedah melalui keuntungan yang optimum oleh sebab pengurangan input ladang dan penjimatan kos operasi.

Dalam pakej pertanian tepat ini, tiga teknologi yang dibangunkan adalah sistem penentuan indeks perataan tanah secara automatik, sistem penaburan benih secara kadar boleh ubah dan sistem pembajaan kadar

boleh ubah.

Pegawai Penyelidikan Kanan Pusat Penyelidikan dan Kejuruteraan MARDI, Dr Badrill Abul Bakar berkata, pengurusan variabiliti kerataan tanah amat penting dalam bidang pertanian tepat, berikutan penyediaan tanah sawah sebelum proses menabur benih adalah perkara yang amat kritikal dan langkah pertama dalam proses penanaman padi.

Perataan tanah memastikan plot sawah yang rata dan maklumat indeks perataan tanah yang diperolehi akan diguna oleh sistem penaburan benih padi secara kadar boleh ubah dan kaedah ini dapat memastikan penapakan tanaman yang sekata.

Kawasan tanah sawah yang tidak rata menyebabkan masalah kepada pengairan

dan boleh menjejaskan pertumbuhan tanaman dan hasilnya.

Penggunaan sistem penentuan indeks perataan tanah secara automatik dapat menyelesaikan masalah ini dan mengurangkan masa untuk menabur benih padi.

"Teknik penentuan indeks perataan tanah terdiri dua komponen utama iaitu penerima ketinggian tanah dan modul persiaran pemetaan tanah.

"Teknik ini menghasilkan peta ketinggian tanah digital yang boleh digunakan bagi penaburan benih padi secara kadar boleh ubah.

"Komponen penerima ketinggian tanah yang terdiri daripada dua bahagian.

"Bahagian pertama dipasang di atas traktor yang mempunyai sebuah antena pengesanan kedudukan global

(GPS) yang dipasang di atas implemen sikat pacu, satu modul pemrosesan yang terletak di kokpit traktor dan satu antena radio rujukan masa hakiki (RTK) yang dipasang di bumbung traktor.

"Bahagian kedua terdiri satu stesen rujukan yang mempunyai GPS dan radio RTK yang terletak di luar petak sawah.

"Pengambilan data dilakukan pada pembajakan terakhir dalam keadaan tanah sawah basah melebihi tanah tepu.

"Apabila traktor dengan sikat pacu sedang digunakan untuk pembajakan, antena GPS di atas implemen sikat pacu mengambil maklumat ketinggian tanah setiap 2.5 meter.

"Maklumat ini dihantar ke modul pemrosesan di mana pembetulan lokasi dilakukan

untuk mendapatkan bacaan yang lebih tepat.

"Data yang diambil diproses menggunakan perisian sistem maklumat geografi sumber terbuka QGIS untuk menapis dan menyesuaikan data ketinggian.

"Data itu kemudian digunakan untuk menentukan indeks kerataan tanah.

"Akhirnya, peta penaburan benih dihasilkan berdasarkan indeks tadi.

"Sistem ini mampu menghasilkan kejituan bacaan sehingga lebih kurang satu sentimeter (cm) pada paksi menegak dan lebih kurang 0.5 cm pada paksi mendatar.

"Indeks perataan lebih kurang lima cm (LIS) digunakan sebagai rujukan untuk menghasilkan peta rawatan bagi penaburan biji

5/1/2020

METRO
AHAD

XPRESI

39



Sementara itu, pesawah juga masih mengamalkan pembajaan secara tabur sekata (blanket spreading) dengan menggunakan penabur bermotor jenis galas.

Lazimnya, pembajaan dilakukan oleh mereka sendiri atau buruh yang diupah.

Kebanyakan mereka melakukan pembajaan tanpa mengetahui tahap kesuburan tanah dan keadaan pokok.

Parameter pokok seperti ketinggian daun, kepadatan pokok dan saiz kanopi tidak diambil kira dalam penaburan secara konvensional mengakibatkan penerimaan baja yang tidak seimbang mengikut kepadatan pokok, kandungan nitrogen dan saiz kanopi.

Amalan ini menyebabkan kawasan yang mempunyai kepadatan pokok yang tinggi menerima kadar baja sama dengan kawasan yang tidak padat menyebabkan kadar pembajaan yang tidak seimbang, selain mengakibatkan pembaziran input baja, pencemaran alam sekitar dan turut memabatkan kos tinggi.

"Asas kepada pembangunan teknologi pembajaan kadar boleh ubah adalah berbandukan model Indeks Kawasan Hijau (GAI). "Ini adalah kaedah yang



DATA diperolehi dipaparkan pada paneli atas traktor.



PERALATAN digunakan menghasilkan data dalam teknologi pertanian tepat.

benih secara kadar boleh ubah," katanya.

Data ketinggian yang dikumpul semasa pembajakan digunakan dalam komponen kedua sistem iaitu modul perisian pemetaan tanah.

Modul perisian pemetaan tanah membahagikan data ketinggian yang diambil kepada tiga kumpulan iaitu data ketinggian yang berada dalam lingkungan -5 cm daripada purata keseluruhan data diletakkan dalam kumpulan rata.

Data ketinggian yang melebihi lima cm daripada purata dikategorikan sebagai tinggi, manakala data ketinggian yang kurang lima cm daripada purata keseluruhan data dikategorikan sebagai rendah.

Dalam peta ketinggian tanah, warna hijau menandakan kawasan tahap rata, warna biru menunjukkan kawasan tanah yang rendah, manakala merah menandakan kawasan tanah tinggi.

Peta rawatan yang dijana akan digunakan oleh sistem penaburan biji benih secara kadar boleh ubah untuk menabur benih padi.

Dr Badril berkata, sistem

penaburan benih secara kadar boleh ubah menggunakan teknologi terdiri daripada traktor berkelegaan tinggi, applikast boleh ubah, sistem kawalan GPS dan komputer ladang.

Peta rawatan penaburan benih yang dihasilkan digunakan oleh penabur kadar boleh ubah yang dipasang pada traktor berkelegaan tinggi untuk menabur biji benih di lapangan mengikut kadar yang ditentukan dalam peta rawatan.

"Peta rawatan yang terhasil dibahagikan kepada tiga kategori iaitu tinggi, rendah dan rata serta akan dimuat naik ke sistem penabur kadar boleh ubah di mana ia dilengkapi dengan penabur cakera berputar yang mampu menabur kadar benih dengan tepat mengikut peta rawatan yang dihasilkan.

"Penaburan benih secara kadar boleh ubah ini akan memastikan pertumbuhan pokok padi lebih sekata di seluruh petak sawah.

"Sistem ini akan membantu untuk mendapatkan penapakan pokok yang baik dan seragam dan juga dapat menjamin peningkatan hasil padi," katanya.



JENTERA penabur benih bekerja mengikut peta rawatan.



PEMBAJAAN secara kadar boleh ubah mengambil kira tahap kesuburan tanah dan keadaan pokok.

mudah untuk mengira baja bagi keperluan teknologi ini.

"Ta berasaskan kepada beberapa parameter yang diambil dari sawah padi iaitu kandungan nitrogen (N) dalam pokok, saiz kanopi dan populasi pokok.

"Model ini mempunyai tiga komponen utama iaitu komponen tumbesaran kanopi pokok, komponen membuat keputusan dan korponen pengiraan baja.

"Komponen tumbesaran pokok dibangunkan khusus bagi menentukan saiz kanopi pokok yang perlu ditanam (crop set), yang mana bergantung pada tanah dan keadaan cuaca.

"Komponen membuat keputusan pula bertujuh untuk menghasilkan suatu koefisi keputusan bagi menentukan pembajaan mengikut kesuburan kawasan dan kepadatan pokok.

"Komponen pengiraan baja pula bertujuan untuk mengira baja pada kadar boleh ubah dengan bantuan koefisi kepurusan," katanya.

Jelasnya, teknologi pembajaan secara kadar boleh ubah mengambil kira tahap kesuburan tanah dan keadaan pokok.

Kayanya, pembajaan dijalankan pada masa yang betul, kadar yang betul dan pada lokasi yang tepat atau zon spesifik.

Penemuan utama adalah penghasilan model GAI yang mana algoritma model itu diaplikasikan dalam perisian pengiraan baja yang berbandukan data imej yang diambil dari pesawat tanpa pemandu (UAV).

Semua data, imej dan peta akan disimpan ke dalam laman sesawang yang dibangunkan.

Data itu sangat penting untuk kajatan bagi musim akan datang dan boleh dijadikan rujukan. Ia juga adalah sumber bagi Big Data dalam pertanian tepat padi.

"Kelebihan pakej teknologi pertanian tepat ini membolehkan perataan tanah yang cekap dan penaburan benih menggunakan mesin secara kadar boleh ubah bagi memastikan penapakan pokok padi yang baik dan seragam.

"Selain itu, sistem pembajaan secara kadar boleh ubah dapat menjimatkan penggunaan baja antara 15 hingga 25 peratus sehektar, manakala aktiviti penaburan benih dan pembajaan melalui teknologi sama mampu mengurangkan tenaga buruh sehingga 50 peratus," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PERAK	31

Bot nelayan tempatan ditahan

LUMUT - Jabatan Perikanan Perak menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas B1 dan merampas 60 kilogram ikan pada kedudukan 7.53 batu nautika dari Pulau Talang, Segari semalam.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Aceh, Mansor Yobe berkata, bot yang dikendali seorang lelaki tempatan dan tiga lelaki warga Indonesia berumur antara 46 hingga 60 tahun itu ditahan kerana melakukan pelbagai

kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 14(4)(b) akta sama.

“Hasil pemeriksaan ke atas bot itu mendapati ia menggunakan kru warga asing tanpa kebenaran dan pemilik bot tidak mengusahakan sendiri seperti mengikut syarat lesen.

Beliau berkata, bot bersama kru diiringi ke Jeti Perikanan Kampung Aceh, Sitiawan untuk tindakan lanjut. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Tiada bahan antibiotik terlarang dalam sampel udang

PUTRAJAYA - Tiada bahan antibiotik terlarang dikesan dalam 2,466 sampel udang tempatan yang dianalisis di makmal Biosekuriti Perikanan sejak 2008 hingga kini.

Jabatan Perikanan (DOF) dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, sekatan eksport udang yang dikenakan pihak Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan Amerika Syarikat (USFDA) juga tidak melibatkan keseluruhan eksport produk akuakultur negara dan hanya dikenakan kepada syarikat yang didapati positif kesan antibiotik.

“Difahamkan syarikat berkenaan telah pun menutup operasi mereka.

“Pihak kami turut mengesyaki terdapat elemen pemindahan, yang mengimport udang dari luar negara dan mengeksport semula ke Amerika Syarikat di luar pemantauan rasmi DOF,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan tersebut dikeluarkan susulan laporan sebuah akhbar tempatan bahawa penternak udang tempatan menggunakan bahan antibiotik terlarang yang menyebabkan larangan import dikenakan USFDA.

DOF berkata, pihaknya mengambil serius terhadap laporan itu yang boleh menimbulkan taksiran yang negatif terhadap industri ternakan udang di Malaysia.

Menurut DOF, pihaknya melaksanakan pemantauan dan mengambil tindakan ter-

“Pihak kami mengambil serius terhadap laporan itu yang boleh menimbulkan taksiran yang negatif terhadap industri ternakan udang di Malaysia.”

- Jabatan Perikanan

hadap mana-mana ladang ternakan yang didapati positif menggunakan antibiotik terlarang melalui Program Pemantauan Residu Akuakultur (ARMP) serta Program Sanitasi dan Fitosanitasi Akuakultur (SPS Akuakultur).

“Persampelan dijalankan ke atas sampel-sampel udang dan ikan untuk memantau kandungan antibiotik iaitu *Chloramphenicol* (CAP), *Nitrofurantoin* (NF) dan *Nitroimidazole* (NI).

“Negara seperti Australia juga telah mengiktiraf peranan DOF dalam mengeluarkan Sijil Kesihatan Ikan termasuk hasil ikan yang dieksport ke negara itu, manakala *Singapore Food Agency* (SFA) memaklumkan udang yang diimport dari Malaysia tidak pernah dikesan mengandungi CAP atau NF,” kata kenyataan itu lagi. - *Bernama*

Tainted shrimp suspected to be from transshipments

By **ARNOLD LOH**
arnold.loh@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Shrimp exports from Malaysia, which face restrictions by the United States, only affect specific exporters and do not involve the totality of Malaysia's aquaculture export produce, says the Fisheries Department.

It explained that the shrimp samples, found by the United States to be tainted with dangerous antibiotics, could be through transshipments.

"We suspect an element of transshipment, involving shrimp from foreign countries outside of our jurisdiction, that were imported and then re-exported to the United States," the department said in a statement.

It said that the US import alerts were only targeted at those exporters and did not represent the indus-

try as a whole.

"It is understood that some of those exporters had already ceased operations," the department said.

The Star reported yesterday that cultured shrimp tainted with antibiotics might still be found in wet markets.

Many Malaysian shrimp exporters have been placed under watch by the United States Food and Drug Administration, following the detection of two antibiotics, nitrofurans and chloramphenicol, in 44 shrimp shipment samples sent by numerous Malaysian exporters between 2009 and 2018.

However, the Fisheries Department maintained in the statement that its agricultural residue, aquaculture sanitary and phytosanitary monitoring systems have been able to maintain the biosecurity integrity of Malaysia's shrimp production.



From the sea: No antibiotics were found in shrimp samples collected from 2008 till now, says the Fisheries Department.

"A total of 2,466 shrimp samples were collected from 2008 till now and analysed by the Fisheries Biosecurity Laboratory. No banned antibiotics were found in the shrimp," the department said.

It said the 1,200 shrimp farmers, 40 hatcheries and 15 processing factories were subject to the department's monitoring systems and that they have Malaysian Good Agricultural Practices certificates.

It said Australia recognised its Fish Quality Certificates while the Singapore Food Agency had announced that Malaysia's shrimp

exports did not contain the banned antibiotics, nitrofurans and chloramphenicol.

"Since last year, the Agriculture and Agro-based Industries Ministry, through the Fisheries Department as the control against the use of banned antibiotics, had taken over the issuance of the Certificate of Origin for all locally-produced aquaculture produce, not including imported sources.

"Every aquaculture farm supplying to exporters are registered and subject to the department's monitoring at least twice a year," it said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2020	METRO AHAD	LOKAL	13

Sampel udang tempatan tiada antibiotik terlarang

Putrajaya: Tiada bahan antibiotik terlarang dikesan dalam 2,466 sampel udang tempatan dianalisis di makmal Biosekuriti Perikanan sejak 2008 hingga kini, kata Jabatan Perikanan (DOF).

DOF berkata, sekatan eksport udang dikenakan pihak Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan Amerika Syarikat (USFDA) tidak membabitkan keseluruhan eksport produk akuakultur negara dan hanya dikenakan kepada syarikat yang didapati positif

kesan antibiotik.

“Difahamkan syarikat itu sudah tutup operasi mereka,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

DOF berkata, pihaknya mengesyaki wujud elemen pemindahan yang mengimport udang dari luar negara dan mengeksport semula ke Amerika Syarikat di luar pemantauan rasmi DOF.

Kenyataan itu dikeluarkan susulan laporan sebuah akhbar tempatan penternak udang tempatan menggunakan bahan anti-

biotik terlarang yang menyebabkan larangan import dikenakan USFDA.

DOF berkata, pihaknya mengambil serius terhadap laporan itu yang boleh menimbulkan taksiran negatif terhadap industri ternakan udang di Malaysia.

Katanya, DOF mengambil tindakan terhadap ladang ternakan didapati positif menggunakan antibiotik terlarang melalui Program Pemantauan Residu Akuakultur (ARMP) dan Program Sanitasi dan Fitosanitasi Akuakultur (SPS Akuakultur).

Tiada antibiotik terlarang dalam sampel udang

Kuala Lumpur: Tidak ada antibiotik terlarang dikesan dalam 2,466 sampel udang tempatan yang dianalisis di makmal Biosekuriti Perikanan sejak 2008 hingga kini.

Jabatan Perikanan dalam satu kenyataan, berkata sekatan eksport udang dikenakan pihak Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan Amerika Syarikat (USFDA) juga tidak membatalkan keseluruhan eksport produk akuakultur negara.

Sebaliknya, ia membatalkan syarikat yang didapati positif ke-
san antibiotik.

“Difahamkan, syarikat berkenaan menutup operasi mereka,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Jabatan itu berkata, pihaknya turut mengesyaki ada elemen pemindahan yang mengimport udang dari luar negara dan mengeksport semula ke Amerika Syarikat di luar pemantauan rasmi pihaknya.

Sebelum ini, sebuah akhbar melaporkan penternak udang tempatan menggunakan bahan

antibiotik terlarang yang menyebabkan larangan import dikenakan oleh USFDA.

Jabatan itu berkata, pihaknya mengambil serius laporan yang boleh menimbulkan taksiran negatif terhadap industri ternakan udang di Malaysia.

Jabatan melaksanakan peman-tauan dan mengambil tindakan terhadap ladang ternakan yang didapati positif menggunakan antibiotik terlarang melalui Program Pemantauan Residu Akuakultur (ARMP) dan Program Sanitasi dan Fitosanitasi Akuakultur (SPS Akuakultur).

“Persampelan dijalankan ke atas sampel udang dan ikan untuk memantau kandungan antibiotik, iaitu chloramphenicol (CAP), Nitrofuran (NF) dan Nitroimidazole (NI),” katanya.

Malah, katanya, negara seperti Australia juga mengiktiraf peranan jabatan dalam mengeluarkan Sijil Kesihatan Ikan termasuk hasil ikan yang dieksport ke negara itu, manakala Singapore Food Agency (SFA) memaklumkan udang diimport dari Mala-



Industri ternakan udang menyumbang 50,000 tan kepada kuantiti pengeluaran akuakultur negara. (Foto hiasan)

ysia tidak pernah dikesan mengandungi CAP atau NF.

Setiap tahun, industri ternakan udang mengeluarkan 50,000 tan hasil yang menyumbang 13 peratus kepada kuantiti pengeluaran akuakultur Malaysia.

Industri akuakultur membabitkan 1,200 penternak udang, 40 pusat pembenihan udang dan 15 kilang pemrosesan yang menyumbang RM1.3 bilion atau 45 peratus daripada jumlah eksport perikanan.



Nor Badrul Iman memeriksa ikan keli diusahakannya di Kampung Kurong Tengar, Kangar, Perlis.
(Foto Dziyaul Afnan Abdul Rahman/BH)

Tekad ternak keli selepas 10 kali gagal temu duga

Nor Badrul Iman tak harap belas ihsan orang ramai walau berstatus OKU

Oleh Dziyaul Afnan
Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kangar: Selepas lebih 10 kali gagal dalam temu duga pekerjaan, seorang pemuda berstatus orang kurang upaya (OKU) tekad mengusahakan ternakan ikan keli di Kampung Kurong Tengar di sini.

Pemuda berkenaan, Nor Badrul Iman Azmi, 35, berkata meskipun perniagaan itu hanya kecil-kecilan, dia tekad berusaha tanpa mengharapkan belas ihsan orang ramai kerana mahu menjaga ibunya yang uzur dan abangnya yang juga berstatus OKU pembelajaran.

Katanya, dalam keadaan dirinya yang tempang, biarlah hasil pendapatannya itu cukup melapisi perbelanjaan harian isi rumah asalkan dia tidak memintaminta.

"Kalau nak diikutkan lebih 10 kali temu duga kerja saya hadir sehingga ke Selangor, Selangor dan Negeri Sembilan, tetapi belum ada rezeki untuk merasai gaji tetap jadi saya reda.

"Bukan tidak sedih, tetapi setiap kali hadir sesi temu duga pekerjaan soalan penemuduga pasti tertumpu pada keadaan kaki saya yang cacat akibat kemalangan ketika kecil dan sedar peluang pekerjaan itu sudah tertutup rapat.

"Tetapi memikirkan abang saya yang juga berstatus OKU dan ibu sudah tidak mampu bekerja, saya tekad menjalankan perniagaan ternakan ikan keli dengan dibantu kakak, selain mendapat seliaan Jabatan Perikanan," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini.

Nor Badrul berkata, meskipun pada peringkat awal dia terpaksa

bersusah dengan berjimat khususnya apabila membabitkan soal perbelanjaan, dia yakin kejayaan pasti muncul.

"Saya mulakan perniagaan lima tahun lalu dengan berbekalkan modal daripada kakak sulung. Dia banyak membantu dan memberikan semangat supaya tidak berputus asa meskipun sering gagal dalam temu duga pekerjaan.

"Tipulah jika saya kata saya tidak mengalami kegagalan pada peringkat awal perniagaan. Saya pernah diketawakan kerana menjalankan perniagaan ikan sungai.

"Saya juga pernah mengalami kerugian kerana kolam diserang memerang serta benih ikan mati akibat cuaca panas," katanya yang mempunyai diploma dalam bidang perhotelan.

Beliau berkata, dia kini mampu menyara keluarganya dan berterima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang sudi membimbing jalan keluar padanya meskipun pada peringkat awal kedatangannya ke pejabat JKM hanya sekadar bagi mendapatkan kad pengesahan OKU.

"Saya sebagai usahawan OKU menasihati rakan senasib banyakkannya bersabar dalam menempuh dugaan.

"Jangan terlalu merendah diri untuk mencuba sesuatu dan sentiasa mengintai peluang berniaga daripada mengharap bantuan ihsan masyarakat," katanya.

Memikirkan abang saya yang juga berstatus OKU dan ibu sudah tidak mampu bekerja, saya tekad menjalankan perniagaan ternakan ikan keli dengan dibantu kakak, selain mendapat seliaan Jabatan Perikanan.

Nor Badrul Iman Azmi,
Usahawan ikan keli

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	21

OKU usahawan ikan keli



NOR Badrul Iman menunjukkan ikan keli ternakannya.

Kangar: Pernah gagal, kerugian ribuan ringgit malah diketawakan kerana mengusahakan ternakan ikan sungai sejak lima tahun lalu.

Itu antara cabaran dihadapi seorang pemuda orang kurang upaya (OKU) yang tekad membangunkan perusahaan ternakan ikan keli di Kampung Kurong Tengar di sini, selepas 10 kali gagal dalam temu duga pekerjaan.

Nor Badrul Iman Azmi, 35, berkata, dia tekad berusaha tanpa mengharapkan belas ihsan orang ramai demi me-

nampung kehidupannya bersama ibu serta abang yang juga berstatus OKU pembelajaran.

Berbekalkan modal diberikan kakak sulung, dia mengusahakan ternakan itu secara kecil-kecilan, dan pendapatan diperoleh mampu menampung perbelanjaan harian, sekali gus mengelakkannya meminta-minta dengan orang lain.

"Tipulah pada peringkat permulaan perniagaan saya tidak gagal malah saya pernah diketawakan orang kerana menjalankan perniaga-

an ikan sungai.

"Saya juga pernah kerugian ribuan ringgit kerana kolam diserang memerang serta benih ikan mati akibat kepanasan cuaca," katanya yang mempunyai diploma dalam bidang perhotelan.

Nor Badrul Iman yang cacat kaki akibat kemalangan ketika kecil berkata, sebelum ini dia menghadiri 10 kali temu duga dari Selayang ke Negeri Sembilan, tetapi tidak mempunyai rezeki untuk kerja makan gaji.

"Bukan tidak sedih, setiap kali hadiri sesi temu duga soalan penemuduga pasti tertumpu pada keadaan kaki, saya sedar peluang mendapat pekerjaan itu sudah tertutup rapat.

"Tetapi memikirkan abang yang juga OKU dan ibu sudah uzur tidak mampu bekerja, saya tekad menjalankan perniagaan ternakan ikan keli dibantu kakak," katanya.

Selain itu, katanya, dia turut mendapat seliaan daripada Jabatan Perikanan.

"Terima kasih juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memberikan jalan keluar kepada saya, meskipun kehadiran saya ke pejabat JKM pada mulanya hanya untuk mendapatkan kad pengesahan OKU.

"Saya menasihati rakan-rakan senasib supaya banyak bersabar. Jangan terlalu merendah diri untuk mencuba sesuatu dan sentiasa mengintai peluang berniaga daripada mengharap ihsan," katanya.